

Kegemilangan Sungai Merbok

KOSMO 29.1.10 10 MIS 10

Oleh ZAID MOHD. NOOR
zaid.mohdnor@kosmo.com.my

SUNGAI Merbok pada suatu ketika dahulu merupakan laluan utama para pedagang untuk singgah ke pusat pelabuhan perdagangan Lembah Bujang yang gemilang pada abad ke-5 hingga 13 Selepas Masihi.

Malah para pedagang dari China, India dan Timur Tengah yang singgah di Pelabuhan Lembah Bujang mengenali Kedah sebagai 'Semenanjung Emas'.

Pedagang pula menjadikan Gunung Jerai yang mempunyai ketinggian 1,217 meter sebagai mercu tanda dan penunjuk arah ke Sungai Merbok sebelum mereka singgah di Pelabuhan Lembah Bujang.

Kegemilangan sejarah Lembah Bujang di Sungai Merbok sebagai pusat perdagangan tercatat dalam kajian penyelidikan prasejarah sebelum ini.


Ini terbukti dan disokong oleh penemuan barang-barang sejarah seperti candi, cedu emas, inskripsi, seramik, tembikar dan pelbagai jenis artefak lain di sekitar Sungai Merbok terutamanya di Lembah Bujang.

Selain itu, ketika Kedah sering diancam oleh Siam, Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, Sultan Kedah ke-2 (1804-1845) terpaksa memindahkan tempat semayamnya dari istana di Kota Kuala Kedah ke istana baru yang dibina di Pulau Tiga, di pinggir Sungai Merbok (1820).

Sungai Merbok sememangnya meninggalkan banyak sejarah silam menarik yang perlu diterokai dan dikaji ke arah mengembalikan kegemilangannya.

Pada hari ini air Sungai Merbok mengalir tenang dan suai yang mungkin berbeza dengan suasana keriuhan suara pedagang dan pelayar yang singgah berdagang di sungai itu pada beberapa abad lalu.

Bagaimanapun kerajaan Kedah yang dipimpin oleh Menteri Besar, Datuk Seri Mahdzir Khalid bercadang membangunkan Sungai Mer-



KAKITANGAN Muzium Arkeologi Lembah Bujang menjalankan penyelidikan di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang Merbok.

bok sebagai destinasi pelancongan baru yang menarik di negeri ini.

Mahdzir yang pernah menyusuri Sungai Merbok terpesona dan kagum dengan keindahan alam semula jadi di sepanjang sungai tersebut.

Baginya, satu kerugian kepada kerajaan negeri sekiranya tidak mengambil peluang daripada keunikan Sungai Merbok untuk memajukan industri pelancongan di negeri ini.

Antara tarikan istimewa Sungai Merbok ialah di pinggirnya mempunyai hutan bakau yang mempunyai 30 spesies di kawasan seluas 4,114 hektar yang merupakan salah satu kawasan Hutan Simpan Paya Laut yang terbesarnya di negara ini.

Selain itu katanya, kawasan tersebut juga mempunyai 80 spesies burung yang sukar didapati di tempat lain serta terdapat sekumpulan kelip-kelip di sepanjang sungai itu.

Sementara itu, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Merbok pula membangunkan 600 buah sangkar

ikan air tawar.

Para pelancong terutamanya di kalangan kaki pancing berpeluang memancing pada waktu malam dengan tinggal sementara di calet terapung yang terdapat di sungai itu.

Dalam pada itu, sebuah kompleks jeti Sungai Merbok telah dibina yang dilengkapi dengan restoran, gerai cenderamata, bilik seminar, kedai runcit, jeti memancing, surau dan bilik air.

Mengikut perancangan, kompleks jeti tersebut akan diperbesar untuk memenuhi keperluan pelancong termasuk pusat informasi Hutan Paya Laut.

Selain itu, kemudahan laluan sejauh satu kilometer juga dibina untuk memberi kemudahan pelancong melihat hutan bakau secara dekat.

Kerajaan negeri bercadang memperkenalkan pakej pelancongan menyusur Sungai Merbok yang melibatkan penyertaan dari agensi pelancongan dari Pulau Pinang.

laksanakan pelbagai projek asas bagi menarik pelancong tempatan dan luar negara.

Selain itu, kawasan sepanjang Sungai Merbok juga banyak mengandungi kesan sejarah Kesultanan Melayu yang cukup menarik untuk didedahkan kepada para pelancong.

Antaranya, legenda Kota Raja Bersiong, Makam Sultan Muzafar Shah, Tugu Tentera British, Istana Pulau Tiga dan kesan-kesan sejarah lain yang tidak begitu jauh daripada Sungai Merbok itu.

Selain itu, kawasan Lembah Bujang merupakan tapak peninggalan sejarah kurun ke-4 hingga 14 Masihi yang perlu dikunjungi selepas menyusur Sungai Merbok.

Muzium arkeologi itu yang menyimpan artefak-artefak yang ditemui di sekitar Lembah Bujang.

Berdasarkan penyelidikan dan ekskavasi yang dijalankan didapati Lembah Bujang juga merupakan sebuah pelabuhan utama di Asia Tenggara kurun ke-5 hingga 13 Masihi.

Antara artefak yang terdapat di situ dan Muzium Arkeologi ialah serpihan porselin, celadon, stoneware, tembikar tanah, kaca, manik dan seramik Parsi.

Artefak-artefak lain ialah Kalam Semah, cedu batu, peripih, Yoni, Linga, Somasutra, batu-batu bersurat, pelapik tiang, Kala, Simbar, Nandi dan sebagainya.

Selain itu, Jabatan Muzium dan Antikuiti Wilayah Utara menjalankan projek penyelidikan di Kompleks Percandian Pengkalan Bujang, Merbok.

Kerja-kerja penyelidikan itu melibatkan kajian struktur sebuah bangunan yang dipercayai candi yang terdapat di kawasan kompleks percandian itu.

Sebelum ini sebanyak empat buah candi telah ditemui di kawasan kompleks percandian seluas 1.12 hektar sejak projek penyelidikan yang pertama pada tahun 1985.

Jabatan Muzium dan Antikuiti tidak menolak kemungkinan masih terdapat beberapa buah lagi struktur bangunan candi di kawasan ini.